



PENGAMATAN

(Dari Mendengar kepada Tindakan)

Kembali kepada Kumpulan besar

Setiap kumpulan kecil dijemput untuk berkongsi secara ringkas perspektif “Kita”, dengan memberi tumpuan kepada apa yang mereka rasakan Roh Kudus sedang mengundang mereka untuk lakukan.

Bersama-sama sebagai sebuah KED, kenal pasti satu “Langkah Tindakan” yang mudah supaya Sabda Tuhan dapat berakar dalam kehidupan seharian.

Sebagai contoh:

- Sebagai individu – mengenalpasti saat-saat untuk menemani yang boleh dikongsi dengan ahli keluarga.
- Sebagai keluarga – untuk memilih satu masa yang khusus setiap minggu untuk berdoa, membaca kitab suci atau makan bersama tanpa telefon bimbit dan gangguan lain.

Doa Umat

Fasilitator mengajak semua untuk menyuarakan intensi-intensi ringkas, contohnya:

““Tuhan, berikanlah kami rahmat menemani bersama keluarga kami”

Sahutan: “Tuhan, dengarkanlah doa kami.”

Akhiri sesi dengan Doa Bapa Kami, Kemuliaan kepada Bapa, dan Salam Damai.

Lagu Penutup:

Nanyikan lagu yang sesuai



Diterbitkan oleh:
Peninsular Malaysia
Pastoral Team

Emel:
api@archkl.org

EDARAN DALAMAN SAHAJA

KED Renungan

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

**FOKUS BULANAN DAN RASIONAL:
KELUARGA: MENEMANI**

Paus Fransiskus pernah berkata, “Perkara yang paling diperlukan oleh Gereja pada hari ini ialah kemampuan untuk menyembuhkan luka dan menghangatkan hati umat beriman; Gereja memerlukan keakraban dan kedekatan...”. Secara ringkas, inilah yang dimaksudkan dengan ‘menemani’.

“Gereja harus membimbing semua orang, imam, religius, dan awam, ke dalam ‘Seni Menemani’ yang mengajar kita supaya menanggalkan kasut sebelum melangkah ke tanah suci milik sesama manusia (rujuk Kel 3:5).”
Evangelii Gaudium 169

Dengan kata lain, kita diajak untuk melampaui zon selesa kita dan berjalan bersama orang lain, sambil menghormati keunikan, kerumitan, dan kesucian perjalanan hidup setiap orang. Melalui pengalaman ini, kita diubah bersama, semakin mendekat kepada Kristus, dan mengalami pertobatan hati yang lebih mendalam.

Di manakah hal ini dapat dihidupi dengan lebih akrab kalau bukan dalam keluarga, gereja domestik, tempat menemani dalam iman, kasih, dan belas kasihan dijalani setiap hari?



MENEMUKAN

Lagu Pembukaan

Cadangan:
Kita Satu Dalam Roh
atau mana-mana lagu yang biasa dinyanyikan.

Doa Pembukaan

Bapa Syurgawi, ajarlah kami untuk berjalan bersama satu sama lain dalam kasih. Bantulah kami melangkah melampaui apa yang mudah bagi kami, dan mengasihi setiap orang dengan kesabaran serta hormat. Dalam keluarga kami, jadikanlah rumah kami tempat doa, kebaikan, dan pengampunan. Semoga kami saling mendengar, saling menyokong, dan berdoa bersama setiap hari, agar rumah kami menjadi tempat penyembuhan, tempat kehadiran-Mu dirasakan, dan harapan-Mu dikongsi kepada dunia. Amin.



Laluan Pastoral

Walaupun perkataan 'menemani' kini sering menjadi ungkapan yang kerap digunakan, baik di dalam mahupun di luar lingkungan gereja, hakikatnya ia berakar mendalam dalam kehidupan keluarga. Keluargalah tempat di mana menemani pertama kali dipelajari dan dihidupi. Ia bermula di rumah dan berkembang sepanjang kehidupan.

Menemani dibentuk melalui saat-saat yang dilalui bersama, baik pada waktu suka mahupun duka, apabila sebuah keluarga dapat bersatu untuk saling menyokong. Dalam saat-saat seperti ini, kasih, pengampunan, dan juga pengorbanan harus menjadi yang utama.

Daripada bergantung semata-mata pada ajaran dan disiplin, kita dipanggil untuk mendekati satu sama lain dengan kesabaran dan pengertian. Ini bukan bererti kita mengetepikan ajaran atau prinsip kita, tetapi memilih untuk berjalan bersama sesama, dengan memberikan telinga yang sudi mendengar, kehadiran yang menghiburkan, dan yang sangat penting, seorang teman doa.

Keluarga yang berakar dalam doa dan sokongan seperti ini bukan sahaja menjadi gereja domestik tempat Allah bersemayam, tetapi juga menjadi hospital medan, tempat dunia berpaling sebagai tanda harapan.

KITAB SUCI

Kolose 3: 12-13

Kerana itu, sebagai orang-orang pilihan Allah yang dikuduskan dan dikasihi-Nya, kenakanlah belas kasihan, kemurahan, kerendahan hati, kelemahlembutan dan kesabaran. Sabarlah kamu seorang terhadap yang lain, dan ampunilah seorang akan yang lain apabila yang seorang menaruh dendam terhadap yang lain, sama seperti Tuhan telah mengampuni kamu, kamu perbuat jugalah demikian.

Berhentilah sejenak dalam keheningan doa untuk merenungkan teks ini dalam terang hubungan kita dengan ciptaan dan cara hidup kita.

BERDIALOG

(Perbualan dalam Roh)

Bentuklah kumpulan kecil yang terdiri daripada 4 hingga 6 orang. Ikuti tiga pusingan perkongsian. Kekalkan satu minit hening antara setiap perkongsian.

Pusingan 1 – Perspektif "Saya" *(Datang dengan persediaan daripada masa hening. Semua dijemput untuk berkongsi, tetapi hanya sekali dan tidak melebihi dua minit. Tiada ulasan terhadap perkongsian orang lain.)*

- Memandangkan perbincangan kita tentang menemani dan bacaan Kitab Suci ini, langkah-langkah apakah yang boleh saya ambil untuk memupuk tindakan menemani dalam keluarga saya?

(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening sebelum orang seterusnya meneruskan)

Pusingan – Perpektif "Saya dan Anda"

(Sekarang para peserta dijemput untuk memberi respons terhadap perkongsian orang lain. Setiap orang berkongsi sekali dengan merujuk kepada sesuatu yang didengarnya daripada ahli yang lain.)

Setelah mendengarkan dari orang lain:

- Apakah persamaan yang saya temukan setelah mendengar perkongsian daripada orang lain?

(nyatakan 1 atau 2 perkara)

Pusingan 3 – Perpekstif "Kita" *(Sekarang fasilitator atau ketua mengajak semua untuk mencapai satu kesepakatan bersama berdasarkan perkongsian yang telah didengar.)*

Apakah yang Roh Kudus katakan kepada kita tentang bagaimana kita dapat mengamalkan menemani dengan lebih baik dalam keluarga kita?

(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening sebelum orang seterusnya meneruskan)